

13/01/2001

Khidmat bukan saja dari dalam Kabinet

SPEKULASI mengenai rombakan Kabinet bukan perkara baru. Jika awalnya ia didasarkan kepada kemungkinan hanya seorang menteri kanan melepaskan jawatan, khabar angin kemudian tersebar luas pertengahan Disember lalu kononnya rombakan lebih besar akan dilakukan. Ada tokoh tertentu yang dikhabarkan akan dilantik sebagai senator untuk menjawat tugas menteri berdasarkan kekananannya dalam parti, sekali gus menimbulkan persoalan siapa pula yang akan digantikannya. Kemudian, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, pula mengumumkan peletakan jawatan minggu lalu sebagai menghangatkan lagi spekulasi bahawa beberapa kejutan akan berlaku. Ini diperkuatkan lagi oleh pengesahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekembali dari Myanmar, Selasa lalu.

Pelantikan anggota Kabinet adalah budi bicara Perdana Menteri semata-mata meskipun Umno atau sayapnya, Pergerakan Pemuda dan Wanita, serta parti komponen Barisan Nasional (BN) bebas mengemukakan cadangan. Semestinya Dr Mahathir mempunyai kriteria tersendiri yang kesudahannya menunjukkan ada ramalan yang tepat dan sebilangan yang lain meleset. Kehangatan spekulasi mengenai siapa yang bakal dilantik dan siapa pula digugurkan, adalah perkara biasa. Daripada rakyat biasa hingga pada peringkat Ahli Parlimen sendiri, keghairahan yang ditunjukkan mencerminkan keprihatinan serta sikap mengambil berat mereka terhadap pentadbiran kerajaan. Malah, masyarakat hari ini sudah semakin bijak menilai antara menteri yang kuat bekerja dengan yang harus memberi laluan.

Aspirasi rakyat juga bersebab dalam mengharapkan perubahan yang akan dilakukan. Kabinet mestilah mencerminkan hasrat memperkukuhkan pentadbiran kerajaan untuk memajukan bangsa dan negara dalam mendepani pelbagai cabaran lebih getir pada alaf baru ini. Lantaran itu, sebarang pertukaran yang hendak dibuat perlulah mengambil kira kemampuan dan komitmen seseorang tokoh untuk menjalankan tugas. Setiap mereka mestilah mempunyai cita-cita dan perjuangan untuk memajukan rakyat, bukan sekadar mengisi kerusi empuk dan menagih layanan istimewa di pelbagai majlis dan keramaian. Bagi yang terpaksa berundur pula, inilah pengorbanan yang harus mereka lakukan. Ia tidak harus bermakna sumbangan mereka kepada masyarakat turut berakhir.

Perdana Menteri sendiri rasanya perlu membuat banyak pertimbangan - bukan sekadar pertimbangan politik tetapi juga mengambil kira kepentingan negara. Kemungkinan besar, apa juga rombakan yang dilakukan tidak akan memuaskan hati semua pihak. Daripada deretan nama yang digembar-gemburkan, akan ada yang tidak mendapat tempat dan bukanlah kerana mereka kurang berkelayakan daripada yang lain. Ini perkara biasa dalam mana-mana pentadbiran kerana tempat yang hendak diisi adalah terhad sedangkan mereka yang layak pula ramai. Cuma, setiap mereka perlu ada pemahaman bahawa untuk berkhidmat kepada rakyat tidak semestinya berada dalam Kabinet tetapi banyak tempat lain yang mereka boleh laksanakan amanah dan tanggungjawab itu.

(END)